



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 JUN 2021 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 JUN 2021 (JUMAAT)

Seludup lembu korban, minyak paket

Dirampas anggota PGA di kawasan sempadan negara di Rantau Panjang

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Sebuah membawa masuk lembu korban menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha dipatahkan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan selepas menahan seorang lelaki pada Khamis.

Penahanan lelaki berusia 21 tahun pada jam 2 pagi itu membawa kepada rampasan 28 ekor lembu seludup bernilai RM282,240.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7 Kuantan, Superintendan Azhari Nusi ber-

kata, lori yang sarat membawa muatan lembu seludup itu ditahan di Jalan Perumahan Prima Lubok Jong, Pasir Mas di sini.

"Pemeriksaan di bahagian belakang lori menemui 28 ekor lembu yang dipercayai diseludup dari Thailand menggunakan laluan-laluan tikus di sepanjang kawasan sempadan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, pemandu lori itu gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang lengkap berkait dengan urusan berke-

naan. Sementara itu, Azhari berkata, pihaknya turut merampas 452 paket minyak masak bersubsidi yang cuba diseludup ke Thailand di pangkalan haram Tebu di sini pada Rabu.

Katanya, dalam serbuan jam 11.30 malam itu sepasukan anggota yang sedang melakukan rondaan rutin telah terserempak dengan sekumpulan lelaki se-



PGA merampas 28 ekor lembu korban (kiri) dan 452 paket minyak masak bersubsidi yang cuba diseludup di Rantau Panjang.

dang memunggah kotak-kotak minyak masak ke dalam perahu.

"Menyedari perbuatan meraka itu telah 'dihidui' oleh anggota PGA, kumpulan lelaki berkenaan terus bertindak melarikan diri ke Thailand menggunakan perahu dengan meninggalkan kotak-kotak minyak masak tersebut di kawasan tebing," kata beliau.

Ujar Azhari, pemeriksaan di lokasi kejadian telah menjumpai

sebanyak 452 paket minyak masak yang dipercayai mahu diseludup ke Thailand menggunakan pangkalan haram di sekitar Sungai Golok.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Azhari berkata, PGA akan terus memperketatkan lagi kawalan menerusi rondaan lebih aktif bagi mengekang aktiviti penyeludupan di sempadan

Malaysia-Thailand bermula dari Rantau Panjang ke Pengkalan Kubor, Tumpat.

Beliau berkata, PGA tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti berkenaan.

"Selain barang-barang kon-traban, dadah dan senjata api, PGA turut memberikan fokus kepada kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATTI)," kata beliau lagi.

		Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.10	• Telur Gred A	RM11.50
• Daging Lembu Tempatan	RM40	• Ikan Kembung	RM8.90
• Daging Lembu Import	RM30.90	• Minyak Masak	RM6.20
• Gula Pasir	RM2.20	• Bawang Putih	RM6.50
• Bawang Besar Holland	RM2.80	• Kuli Merah	RM7.49
• Tepung Gandum	RM2.15	• Kuli Tempatan	RM2.99

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP